

UPM tidak tanggungjawab keselamatan atlet SUKMA

Kuala Lumpur: Universiti Putra Malaysia (UPM) hanya membantu Jawatankuasa Keselamatan Sukan Malaysia (SUKMA) terhadap keselamatan atlet di kawasan penginapan sepanjang temasya berlangsung.

Naib Canselor, Prof Datuk Dr Mohd Fauzi Ramlan berkata, pihaknya sudah menyerahkan tanggungjawab berkenaan kepada jawatankuasa yang akan menjaga keselamatan termasuk mengawal penginapan dan lalu lintas.

"UPM hanya menyediakan tempat penginapan dan mengawal di luar kolej penginapan atlet," katanya melalui satu kenyataan, di sini, semalam.

Menurutnya, peraturan universiti tidak membenarkan barang larangan seperti arak dibawa masuk ke kawasan penginapan atlet.

"Namun Bahagian Keselamatan UPM hanya membenarkan kemasukan atlet dan pegawai yang mempunyai pas ke kolej penginapan, tetapi tidak mempunyai bidang kuasa untuk melakukan pemeriksaan barangan dalam kenderaan mereka," katanya.

Katanya, pihaknya juga akan sentiasa bekerjasama dengan Majlis Sukan Negara (MSN) dan polis yang sedang menjalankan siasatan.

Ahad lalu, akhbar melaporkan seorang remaja perempuan berusia 19 tahun dirogol tiga lelaki di sebuah bilik penginapan di perkampungan sukan di UPM selepas mengambil minuman keras bersama pasukannya.